



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 6 OKTOBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	TANAM TEMBIKAI LUMAYAN, NEGERI KELANTAN, SH -27 MASALAH TELUR SELESAI, NEGERI KELANTAN, SH -27	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3. 4. 5.	20 PETANI RAIH PENDAPATAN LUMAYAN USAHAKAN TEMBIKAI GUNA SISTEM FERTIGASI, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE RM1.6MIL FOOD COURT OPENS IN PUCHONG PERMAI, THE STAR -ONLINE FARMERS MARKET TRADERS IN SECTION 17 GIVE RESIDENTS A POTLUCK TREAT, THE STAR -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6. 7.	NAFAS AGIH RM1 JUTA BANTUAN BENCANA, NEGERI KEDAH, SH -29 NAFAS SALUR RM1 JUTA BANTU AHLI PPK, NEGARA, KOSMO -5	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
8. 9.	AGROBANK WINS BEST INDEPENDENT COMPLIANCE ASSESSMENT REPORT AWARD FOR THIRD YEAR RUNNING, SUNBIZ, THE SUN -13 AGROBANK DAPAT ANUGERAH TERBAIK 3 TAHUN BERTURUT-TURUT, NIAGA, KOSMO -38	AGROBANK
10. 11.	PENGGUNA TERBEBAN, AYAM KEMBALI DIJUAL PADA HARGA SILING, NASIONAL, BH -21 PIHAK BERKUASA DIMINTA SIASAT PUNCA KENAIKAN, NASIONA, BH -21	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Tanam tembikai lumayan

Tembikai ditanam pada musim hujan lebih berkualiti

Oleh **ASWANY OMAR**
PASIR PUTEH

Petani di negeri Kelantan berpeluang meningkatkan pendapatan melalui penanaman tembikai luar musim apabila mengikuti Program Farmers Field School (FFS) Tanaman Tembikai.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II (MAFI), Datuk Dr Nik Zawawi Salleh berkata, teknologi FFS menggalakkan peningkatan hasil, kos penanaman menurun dan masa pengeluaran lebih pendek.

Menurut beliau, program dikendalikan oleh Jabatan Pertanian itu juga bertujuan memperkasakan sistem pertanian selari dengan teknologi dan inovasi yang perlu diterima oleh petani.

"Walaupun pada musim hujan, alhamdulillah tembikai yang ditanam



Nik Muhammad Zawawi (tiga dari kiri) melihat hasil tembikai yang ditanam melalui Program Walkabout Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II ke Sayur-Sayuran Kampung Batu Berendam dan Projek Tembikai Kampung Haji Wan Omar, Pasir Puteh pada Rabu.

lebih berkualiti dan mampu dijual pada harga bermula RM2.30 sekiogram," jelas beliau.

Nik Zawawi berkata demikian ketika pemberita selepas Program Walkabout Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II ke Projek Tanaman Sayur-Sayuran Kampung Batu Berendam dan Projek Tembikai

Kampung Haji Wan Omar, Pasir Putih pada Rabu.

Menurut Nik Zawawi, seramai 11 petani dari Pasir Puteh dan sembilan orang dari Bachok mengikuti program berkenaan.

Tambahnya, mereka menerima pendapatan minimum RM10,000 bergantung kepada keluasan tanah.

Masalah telur selesai

PASIR PUTEH - Isu kekurangan bekalan telur dijangka selesai dalam tempoh dua atau tiga hari lagi selepas masalah logistik dapat ditangani sepenuhnya.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II (MAFI), Datuk Dr Nik Zawawi Salleh berkata, negeri terlibat dijangka menerima bahan mentah tersebut dalam tempoh terdekat.


Menurutnya, MAFI telah melakukan perbincangan beberapa hari lalu dan masalah itu sudah diatasi.

"Tiada masalah pencatutan kerana telur banyak di Kuala Lumpur dan Selangor, cuma logistik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Program Walkabout Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II ke Projek Tanaman Sayur-Sayuran Kampung Batu Berendam dan Projek Tembikai Kampung Haji Wan Omar, Pasir Puteh pada Rabu.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Pertanian negeri Kelantan dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semarak, Wan Hassan Wan Ibrahim.

Menurut Nik Zawawi, bekalan telur akan tiba di Kelantan, Terengganu dan Kedah, serta beberapa negeri yang mengalami masalah ketiadaan bahan mentah tersebut.



06 OCT, 2022

20 petani raih pendapatan lumayan usahakan tembikai guna sistem fertigasi

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

20 petani raih pendapatan lumayan usahakan tembikai guna sistem fertigasi

PASIR PUTEH: Seramai 20 peserta program Farmers Field School yang mengusahakan tanaman tembikai menggunakan sistem fertigasi meraih pendapatan lumayan antara RM10,000 hingga RM40,000 sehektar dalam tempoh tiga bulan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata secara keseluruhan, peserta program yang merupakan petani dari daerah Pasir Puteh dan Bachok, mengusahakan tembikai di kawasan seluas 15.5 hektar bermula Ogos lepas sebagai tanaman percubaan.


"Sebahagian daripada 18 tan metrik hasil tanaman akan dieksport ke China menerusi sebuah syarikat swasta di Kuala Lumpur dengan harga lantai RM2.60 sekilogram. Sebahagian lagi akan dijual kepada Lembaga Pemasaran Pertanian

Persekutuan (FAMA) dan dipasarkan di kawasan sekitar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat ladang tembikai seorang daripada peserta program di Kampung Haji Wan Omar, Tok Bali di sini semalam.

Mengulas lanjut, Nik Muhammad Zawawi yang juga Ahli Parlimen Pasir Puteh berkata sistem fertigasi berjaya mempercepatkan pengeluaran hasil tembikai dan lebih penting dapat menjimatkan 50 peratus kos pengeluaran yang biasanya memerlukan modal RM10,000 sehektar.

"Tanaman tembikai menggunakan sistem fertigasi juga boleh diusahakan dua musim dalam setahun termasuk pada musim tengkujuh yang sebelum ini tidak boleh dilakukan kerana dikhawatiri ditenggelami air. — Bernama



06 OCT, 2022

20 petani raih pendapatan lumayan usahakan tembikai guna sistem fertigasi

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PASIR PUTEH: Seramai 20 peserta program Farmers Field School yang mengusahakan tanaman tembikai menggunakan sistem fertigasi meraih pendapatan lumayan antara RM10,000 hingga RM40,000 sehektar dalam tempoh tiga bulan. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata secara keseluruhan, peserta program yang merupakan petani dari daerah Pasir Puteh dan Bachok, mengusahakan tembikai di kawasan seluas 15.5 hektar bermula Ogos lepas sebagai tanaman percubaan.

06 OCT, 2022

RM1.6mil food court opens in Puchong Permai

The Star, Malaysia

By JADE CHAN
 jade@thestar.com.my

THE newly launched RM1.6mil Medan Selera Puchong Permai is part of Subang Jaya City Council's (MBSJ) efforts to restructure land use and better manage traders and local businesses in the area.

The food court on a 0.16ha plot in Perstarian Puchong Permai, Puchong in Selangor has 20 food stalls, 28 parking bays including one for the disabled, *surau* and toilets.

Subang Jaya mayor Datuk Johary Anuar said the food court location was formerly the Uptown Bazaar business site and food stalls that burned down in February 2019.

"That gave us the opportunity to restructure and reorganise the space.

"Construction of this food court, which is the first for Zone 14 Residents Representative Council (MPP), started last year and was completed in April this year.

"Traders here are also encouraged to use cashless transactions such as e-wallets."

Johary said MBSJ received over 270 applications when the council advertised the lots available at the food court.

MBSJ then shortlisted and interviewed the applicants, before granting 20 people a stall each, including six who lost their businesses in the 2019 fire.

Eighteen of the 20 food court traders had their premises certified as Grade A, to which Johary expressed hope that they would continue maintaining their cleanliness and hygiene standards.

He presented the certificates to the traders during the food court's official launch.

Scott Seodang assemblyman Dr Siti Mariah Mahanud lauded the council's efforts and said the food court was one way to legalise roadside traders and organise them in a more structured manner.

"Traders should make an effort to upgrade and improve their businesses, such as by embracing digitalisation and cashless transactions, while also ensuring they comply with local council guidelines.

"Customers can play a role too, by patronising licensed traders with good hygiene practices, instead of buying from roadside traders who may not be licensed and could be causing an inconvenience to road users," she said.

Dr Siti Mariah, who is also Selangor public health, unity, women empowerment and family committee chairman, urged MBSJ to be consistent when enforcing the law on illegal traders.

RM1.6mil food court opens in Puchong Permai

New facility with 20 stalls built on former Uptown Bazaar, fire site



Among the 20 stall operators at the new Medan Selera Puchong Permai are six who lost their stalls in the 2019 fire. Johary (below, in white shirt) with little chef El Unna Mikayia Mohd Fazely, four, after the child's mother Hanis Hamzah Zairi (left) received a Grade A certification for her stall selling Western food. With them are Subang Jaya deputy mayor Mohd Zulkuman Che Ah (right) and Dr Siti Mariah -- Photos: AZLINA ABDULLAH / The Star

Gunasilan Arunagard and Muhammad Shafiq Abd Ruzak consider themselves among the lucky few to be granted a food stall at Medan Selera Puchong Permai.

Both are locals who reside nearby in Puchong Perdana.

"My wife and I run a stall selling South Indian food such as *thosai*, *idli* and cooked dishes," said Gunasilan, adding that their food was Muslim-friendly as the ingredients were sourced from halal suppliers.

"I took over my father's catering business after losing my job due to the Covid-19 pandemic.

"Business has been slow, but I am hopeful it will pick up after the food court's launch," said the 43-year-old who used to work in the aviation industry.

Gunasilan felt that MBSJ had been efficient in responding to his queries and guiding him through the licence application process.

Muhammad, who runs his

drinks stall from 6am to midnight daily, said he used to sell drinks at Ramadan bazaars and did other odd jobs outside the festive season.

"Having a permanent stall now allows me to earn a more steady income," said the 24-year-old who has three full-time staff and two part-time workers to help him.

Medan Selera Puchong Permai is located next to a 1.1ha public field, which cost MBSJ RM500,000 to develop and now serves as a space for community events such as football matches.

As part of MBSJ's redevelopment project, there is also a Dataran Niaga Puchong Permai offering 60 covered lots for traders to sell light bites and takeaway food.

The parking space next to Dataran Niaga Puchong Permai is used to host a farmers market by the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) on Sunday mornings and car boot sale on Friday and Saturday nights.





06 OCT, 2022

RM1.6mil food court opens in Puchong Permai

The Star, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

THE newly launched RM1.6mil Medan Selera Puchong Permai is part of Subang Jaya City Council's (MBSJ) efforts to restructure land use and better manage traders and local businesses in the area. The food court on a 0.16ha plot in Persiaran Puchong Permai, Puchong in Selangor has 20 food stalls, 28 parking bays including one for the disabled, surau and toilets.



06 OCT, 2022

Farmers market traders in Section 17 give residents a potluck treat

The Star, Malaysia



Visitors helping themselves to some of the food prepared by Section 17 farmers market traders for Malaysia Day

Farmers market traders in Section 17 give residents a potluck treat

By ARFAH ISMAIL
 metro@thestar.com.my

SECTION 171A Association Farmers Market in Petaling Jaya, Selangor, showed its appreciation to customers by cooking up a variety of delicious food in conjunction with Malaysia Day and National Day.

Traders and residents came together to prepare dishes from as early as 5am so that the food would be ready by 9am for the community to enjoy.

Among the items they cooked were fried chicken and mutton curry, which were served along

with a selection of *ulam*.

"We also gave out vegetables, fruits, chicken, fish and food like *nasi lemak* and *kuih muih* to visitors," said association chairman Zainal Abidin.

He hoped that this event would encourage more people to buy produce at the farmers market.

"Traders here sell fresh vegetables, fruits, chicken and fish from their own farms and some from village farmers," he said.

Petaling Jaya MP Maria Chin Abdullah lauded the association's effort in organising such a patriotic and multiracial event.

"This is a very good effort as we

often forget about the spirit of sharing," she said, adding that the association had organised similar events during Chinese New Year and gave out *bubur lambuk* during Ramadan.

Bukit Gasing assemblyman Kajiv Rishyakaran, who was also at the event, commended the association's generosity and cooking efforts.

Also present at the gathering were MBPJ Zone 10 (Sections 16 and 17) councillor Medalline Chang and Selangor Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) director Aiada Abdul Rashid.



06 OCT, 2022

Farmers market traders in Section 17 give residents a potluck treat

The Star, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Visitors helping themselves to some of the food prepared by Section 17 farmers market traders for Malaysia Day.

metro@thestar.com.my SECTION 17/1A Association Farmers Market in Petaling Jaya, Selangor, showed its appreciation to customers by cooking up a variety of delicious food in conjunction with Malaysia Day and National Day.



Visitors helping themselves to some of the food prepared by Section 17 farmers market traders for Malaysia Day.

Farmers market traders in Section 17 give residents a potluck treat

By ARFAH ISMAIL
metro@thestar.com.my

SECTION 17/1A Association Farmers Market in Petaling Jaya, Selangor, showed its appreciation to customers by cooking up a variety of delicious food in conjunction with Malaysia Day and National Day.

Traders and residents came together to prepare dishes from as early as 5am so that the food would be ready by 9am for the community to enjoy.

Among the items they cooked were fried chicken and mutton curry, which were served along

with a selection of *ulam*.

"We also gave out vegetables, fruits, chicken, fish and food like *nasi lemak* and *kuih muih* to visitors," said association chairman Zainal Abidin.

He hoped that this event would encourage more people to buy produce at the farmers market.

"Traders here sell fresh vegetables, fruits, chicken and fish from their own farms and some from village farmers," he said.

Petaling Jaya MP Maria Chin Abdullah lauded the association's effort in organising such a patriotic and multiracial event.

"This is a very good effort as we

often forget about the spirit of sharing," she said, adding that the association had organised similar events during Chinese New Year and gave out *bubur lambuk* during Ramadan.

Bukit Gasing assemblyman Rajiv Rishyakaran, who was also at the event, commended the association's generosity and cooking efforts.

Also present at the gathering were MBPJ Zone 10 (Sections 16 and 17) councillor Medaline Chang and Selangor Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) director Aiada Abdul Rashid.

Nafas agih RM1 juta bantuan bencana

BALING - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) telah menyalurkan hampir RM1 juta peruntukan bencana di bawah Tabung Kumpulan Wang Nafas sejak Januari hingga September tahun ini.

Pengerusi Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob berkata, jumlah itu melibatkan hampir 5,000 ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) seluruh negara yang berdepan bencana.

Menurutnya, selain diberikan kepada mangsa banjir, peruntukan turut merangkumi ahli yang mengalami musibah lain seperti ribut, wabak, kemarau dan kebakaran.

"Ia menunjukkan keprihatinan Nafas untuk membantu ahli tanpa mengira bencana yang mereka hadapi," katanya selepas menyampaikan sumbangan kepada ahli PPK yang terjejas banjir di Baling, Julai lalu.

Menurut Zamri, program tanggungjawab



Zamri (dua dari kiri) menyerahkan replika cek berjumlah RM50,000 kepada wakil PPK Baling untuk diagihkan kepada mangsa banjir, Julai lalu.

sosial korporat itu diharapkan dapat meringankan beban ahli yang dilanda musibah dan kerugian, bukan sahaja akibat kemusnahan tanaman atau ternakan, malah kerosakan harta benda.

"Nafas di peringkat induk sentiasa melihat keperluan ahli yang perlu diberi bantuan dengan sumbangan sewajarnya.

"Kita menyediakan pelbagai bentuk bantuan termasuk wang tunai, bekalan barangan keperluan dan tenaga bagi menjayakan misi pasca bencana melalui kolabo-

ratif dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) bagi memastikan kediaman ahli atau premis PPK yang terjejas dibantu," katanya.

Pada majlis sama, seramai 50 mangsa terjejas banjir di Baling menerima sumbangan sebanyak RM200 seorang.

Sumbangan tersebut adalah lanjutan daripada bantuan yang disalurkan pada Julai lalu.

Ia diagihkan secara berperingkat dengan nilai keseluruhan mencecah RM120,000 melibatkan seramai 600 ahli yang terjejas.

Nafas salur RM1 juta bantu ahli PPK

BALING – Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) telah menyalurkan peruntukan hampir RM1 juta bagi membantu ahlinya yang ditimpa bencana sejak Januari hingga bulan lalu.

Peruntukan itu diberikan kepada ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang ditimpa banjir banjir untuk meringankan beban mereka.

Pengerusi Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob berkata, pihaknya menyedari betapa penting menjaga kebajikan ahli PPK selain menjadi dorongan untuk bangkit semula selepas ditimpa bencana.

"Penyaluran sumbangan itu merangkumi pelbagai bentuk seperti membiayai baik pulih rumah yang terbakar, dilanda banjir atau kemusnahan tanaman, ternakan serta kerosakan harta benda.

"Sumbangan turut diberikan secara berkala bergantung kepada musibah yang ditanggung oleh ahli," katanya ketika menyampaikan sumbangan Bantuan Banjir PPK Baling di sini semalam.

Pada majlis itu, seramai 250 ahli PPK Baling yang terkesan dengan tragedi kepala air dan banjir pada 4 Julai lalu menerima bantuan wang berjumlah RM50,000.

Penerima adalah sebahagian daripada 600 ahli PPK kawasan berkenaan yang sebelum ini telah menerima sumbangan Nafas secara berperingkat selepas kejadian.

Sementara itu, seorang penerima, Mohd. Zafri Hashim, 49, dari Kampung Padang Dan berkata, dia mengalami kerugian akibat kemusnahan tanaman pisang, kelapa, jagung dan kacang bendi yang ditanam di ladangnya akibat banjir itu.

"Sumbangan ini dapat membantu meringankan beban saya untuk bangkit meneruskan hidup," kata ahli PPK sejak 10 tahun lalu itu.

Seorang penduduk kampung sama, Siti Robiah Salleh, 57, memberitahu, nasib mereka sekeluarga sering mendapat perhatian Nafas sejak menjadi ahli lebih 30 tahun lalu.



ZAMRI (empat dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang ahli PPK di Baling semalam.



PayNet director (Risk and compliance) Ken Yon (left) presenting the award to Agrobank head of Regulatory Assurance Section (RAS) Vincent Andrew (right) and RAS assistant manager Farahaini Jupri on Sept 21.

Agrobank wins Best Independent Compliance Assessment Report award for third year running

KUALA LUMPUR: Agrobank is bestowed with recognition after securing the first place for the Payment Network Malaysia (PayNet) Best Independent Compliance Assessment Report 2021 Award under the Small Bank Category. The bank has been awarded for the Best Independent Compliance Assessment Report for three consecutive years from 2019 to 2021.

"We are honoured to have won this recognition for three years in a row. This recognition demonstrates our efficiency in promoting 'compliance culture' in the workplace to ensure robust verification of participants' operational reliability, accuracy of Business Continuity Plan (BCP) and compliance," said Agrobank president/CEO Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin.

He said the award strives Agrobank to incessantly be responsible in overseeing the bank's adherence to the applicable laws, regulations, guidelines, and specifications relevant to the bank's business."

"The guidelines for Assessment of Compliance to Participation Rules and Operational Procedures for PayNet's services was first introduced in 2013. On an annual basis, the Regulatory Compliance Department of Agrobank will conduct an independent assessment to assess the bank's compliance with the applicable participation rules and operational procedures issued by PayNet," he said.

"The independent assessment submitted was evaluated based on the coverage and scope of work, non-compliance items disclosed, accuracy of reporting and assessment of thematic review areas which honoured Agrobank to receive this recognition.

He said through this winning, the award showcases our strong dedication to ensure all Agrobank processes improvement initiatives are fully aligned with the business objectives as well as the bank's overall business strategy to better manage compliance risk.

Agrobank dapat anugerah terbaik 3 tahun berturut-turut



KEN YON (kiri) bersama Andrew (kanan) pada majlis penyerahan anugerah daripada PayNet kepada Agrobank baru-baru ini.

PETALING JAYA, - Agrobank telah dinobatkan sebagai penerima tempat pertama bagi Anugerah Terbaik Pematuhan Kendiri Malaysia (PayNet) di bawah kategori bank kecil bagi 2021.

Anugerah tersebut diterima untuk tiga tahun berturut-turut dari 2019 sehingga 2021.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Husin berkata, anugerah tersebut membuktikan kecakapan pihaknya mengamalkan budaya pematuhan di tempat kerja.

Ia katanya, bagi memastikan kemampuan operasi bank, ketepatan Pelan Kesenambungan Perniagaan (BCP) dan pematu-

han yang kukuh.

"Ini menjatikan Agrobank sentiasa bertanggungjawab dalam pematuhan sejajar dengan undang-undang, peraturan, garis panduan dan spesifikasi yang berkaitan dengan perniagaan bank," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Anugerah itu disampaikan oleh Pengarah Risiko dan Pematuhan PayNet, Ken Yon kepada Ketua Bahagian Jaminan Kawal Selia Agrobank, Vincet Andrew.

Selain itu, Tengku Ahmad Badli Shah menjelaskan, setiap tahun, Jabatan Pematuhan Kawal Selia Agrobank akan menjalankan pemeriksaan untuk menilai pematuhan bank terhadap pera-

turan penyertaan dan prosedur operasi yang dikeluarkan oleh PayNet.

"Penilaian sendiri yang dihan-tar kemucian akan dinilai berdasarkan liputan dan skop kerja, ketidakpatuhan yang didedahkan, ketepatan pelaporan serta penilaian tematik.

"Ini sekali gus melayakkan Agrobank menerima pengiktirafan ini.

"Pengiktirafan ini membuktikan dedikasi kami di Agrobank untuk memastikan semua proses dan inisiatif selari dengan objektif perniagaan serta keseluruhan strategi perniagaan bank.

"Ta dibuat dalam mengurus risiko pematuhan dengan lebih baik," katanya.

Pengguna terbeban, ayam kembali dijual pada harga siling

Peniaga dakwa pembekal jual pada harga tinggi

Oleh Mohamed Farid Noh, Hidayatidayu Hazali dan Azhar Shabi ulnizam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Selepas beberapa bulan harga ayam stabil susulan bekalan mencukupi, pengguna kini dikatakan kembali terbeban apabila penjual mengakui menjual pada harga siling iaitu RM9.40 sekilogram.

Langkah itu dikatakan bagi mengesahkan peniaga menanggung kerugian kerana bekalan dilaporkan berkurangan sejak kebelakangan ini.

Tinjauan BH di pasar Chow Kit di sini semalam mendapati, sebahagian besar peniaga menjual ayam RM9.40 setiap kilogram, iaitu harga siling yang ditetapkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Sebelum ini, ada peniaga menjual lebih murah daripada harga siling kerana bekalan mencukupi.

Peniaga ayam, Hussin Abdullah, 45, mengakui menjual pada harga siling RM9.40 sekilogram kerana pembekal turut menaikkan harga.

"Dalam tempoh sebulan ini, harga ayam semakin mahal, manakala saiz ayam yang dibekalkan lebih kecil.

"Masalah ini berlaku di seluruh negara sebab kami ada membandingkan harga dengan pembekal lain tetapi harga yang ditawarkan tidak mempunyai perbezaan ketara.

"Hari-hari pembeli mengadu mengenai harga ayam tetapi kami tak dapat berbuat apa-apa kerana peniaga tiada kuasa mengawal harga, kami cuma jual ayam," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Perjual yang hanya mahu dikenali sebagai Eddy, 38, berharap kerajaan menarik semula sekatan mengeksport ayam.

"Apabila pembekal tidak boleh bekalkan ayam ke luar negara, peniaga terpaksa membeli bekalan dengan harga lebih mahal.

"Antara jam 3 pagi tadi (semalam) hingga 1 tengah hari ini, saya hanya dapat menjual 30 ekor ayam sedangkan biasanya saya mampu menjual 50 sehingga 60 ekor ayam sehari.

"Pembeli lebih sanggup tidak membeli ayam daripada berbelanja lebih," katanya.

Had beli ayam

Sementara itu, kerani, Razi Aziz, 58, berkata keluarganya kini menghadkan pengambilan ayam kepada tiga kali sebulan.

"Ahli keluarga saya ramai, kami cuba hadkan perbelanjaan bulanan. Saya berpesan kepada isteri jika ke pasar hanya beli apa yang perlu.

"Kami lebih hanyak membeli ikan di pasar. Walaupun harga barangan naik, pengguna perlu bijak dan jika saya rasa harga ayam mahal, saya beli ikan," katanya.



Peniaga didapati menjual ayam pada harga RM9.40 sekilogram dalam tinjauan di Pasar Chow Kit, semalam.

(Foto Hazreen Mohamad/BH)

Di Kota Bharu, harga ayam di Kelantan meningkat antara 40 sen sehingga 50 sen sekilogram.

Peniaga, Hisyam Saari, 36, berkata sebelum ini harga borong ayam adalah RM7.30 sekilogram sebelum melonjak kepada RM7.70 sekilogram, manakala harga runcit naik daripada RM7.90 kepada RM8.30 sekilogram.

Katanya, kekurangan bekalan dikesan sejak seminggu lalu berikutan ladang di Kedah tidak dapat menghantar bekalan.

"Sebelum ini saya dapat bekalan 500 ekor sehari dan diproses di kilang untuk diambil oleh pemborong serta dijual secara runcit.

"Sejak seminggu lalu, saya hanya mendapat bekalan antara 50 hingga 60 ekor ayam sehari yang dibeli daripada pemborong di Pengkalan Chepa," katanya yang berniaga di Kampung Che-rang di sini, semalam.



Wan Mustaqim Mohd Zulkifli menjual ayam siap bersih tanpa perut dengan harga RM10.30 sekilogram di Pasar Chabang Tiga Pengkalan Chepa, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Siri rumah, Nor Hayati Ismail, 45, berkata kenaikan harga ayam sejak seminggu lalu turut memberi kesan kepada perbelan-

jaan harian.

"Keadaan ini perlu dipantau supaya pengguna tidak terbeban," katanya.

Pihak berkuasa diminta siasat punca kenaikan

Johor Bahru: Harga ayam segar di bandar raya ini dikesan naik 60 sen kepada RM10 sekilogram (kg) bermula semalam, susulan bekalan yang didakwa berkurangan sejak seminggu lalu.

Peniaga ayam segar di Pandan, Edyham Ali, berkata harga terpaksa dinaikkan dan tidak mematuhi harga siling RM9.40 berikutan pembekal meletakkan harga tinggi.

Harga daripada pembekal pun sudah RM8.70 (sekilogram), macam mana peniaga nak jual ikut harga siling RM9.40.

"Pembekal mendakwa bekalan ayam mentah tidak banyak menyebabkan harganya melonjak.

"Kekurangan ayam segar yang

berlaku tiba-tiba ini membuatkan peniaga tersepit. Kami terima ayam pada harga mahal dan jika kami jual pada harga siling RM9.40 sudah pasti akan rugi besar dan tidak balik modal," katanya di sini, semalam.

Curiga bekalan berkurangan

Peniaga, Azman Mohamed, 40-an, berkata kekurangan bekalan ayam segar secara tiba-tiba amat mencurigakan.

"Dalam hal ini, yang menjadi mangsa adalah peniaga dan pengguna.

"Kami ada mendengar khabar angin kononnya peladang dan pembekal tidak mengeluarkan ayam kerana membuat persediaan mengimport ayam ke Singa-

pura kerana harga ayam segar di republik itu lebih mahal daripada harga tempatan.

"Kami harap pihak berkuasa menyiasat perkara ini kerana ia menganiaya peniaga dan sudah tentu pengguna yang menjadi mangsa," katanya.

Sebelum ini, kerajaan bersetuju menetapkan harga siling ayam standard di pasaran diteruskan pada harga RM9.40 sekilogram.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, dilaporkan berkata, persetujuan dicapai Kabinet yang turut menyaksikan harga ayam tidak akan diapungkan di pasaran susulan kegusaran ditimbulkan segelintir pihak.



Peniaga terpaksa menjual ayam pada harga siling berikutan bekalan berkurangan ketika tinjauan di Johor Bahru, semalam.

(Foto Izz Lally Hussein/BH)